

Sardin, tenggiri terdampar di pantai

RM 11/12/23 M 15 27

Tokyo: Beribu-ribu ikan sardin dan tenggiri dihanyutkan ke darat berhampiran pelabuhan perikanan Toi di Hakodate, Hokkaido, Jepun.

The Straits Times melaporkan seorang pegawai bandar raya Hokkaido mengesahkannya pada pagi Khamis lalu dan kejadian itu menimbulkan spekulasi bahawa ikan berkenaan tiba-tiba mengalami kekurangan oksigen.

Kerajaan bandar Hakodate dan kerajaan wilayah Hokkaido sedang menyiasat punca serta mempertimbangkan cara untuk membersihkan bangkai ikan itu.

Menurut kerajaan bandar, seorang pegawai yang melawat tapak lokasi sebaik menerima berita itu mendapati bertan-tan

ikan mati meliputi lebih satu kilometer dari pantai yang terletak berhampiran pelabuhan nelayan.

Seorang nelayan tempatan berusia 65 tahun berkata, dia pernah melihat ikan mati akibat kekurangan oksigen di luar pantai, tetapi ini adalah kali pertama sejumlah besar ikan dihanyutkan ke pantai.

Pegawai menganggarkan bahawa sekurang-kurangnya 1,000 tan ikan kebanyakannya sardin dan sebahagian kecil ikan kembung dihanyutkan ke darat, tetapi angka itu mungkin lebih tinggi, lapor Asahi Shimbun.

Pihak berkuasa berkata, mereka bekerjasama dengan nelayan untuk membersihkan kawasan itu, mulai Sabtu. - Agensi



LAMBAKAN ikan yang hanyut ke darat berhampiran pelabuhan perikanan Toi di Hakodate, Hokkaido, Jepun.

- FOTO Hokkaido Television Broadcasting